



Populasi penyu meningkat

» Usaha pemuliharaan kerajaan negeri bersama agensi berkaitan sejak 1960-an temui kejayaan

Oleh Suzianah Jiffar
sizianah@bharian.com.my

► Kota Kinabalu


Penyu laut adalah reptilia marin yang dipercayai wujud sejak zaman Triassic, kira-kira 200 juta tahun lalu. Haiwan vetebrata (mempunyai tulang belakang) itu bernafas menggunakan paru-paru dan dikategorikan sebagai haiwan bertelur.

imbricata) dan Penyu Lipas (*Lepidochelys olivacea*).

Kajian selama dua tahun yang dijalankan Universiti Malaysia Sabah (UMS) ke atas 440 penyu laut yang ditangkap mendapati lebih 70 peratus spesies itu di Pulau Sipadan dan Mabul di perairan Semporna, Sabah adalah penyu juvana atau muda.

90 EKOR
penyu Hijau juvana
di Pulau Mabul

B/H 19/1/13 MS 12.



Petanda positif
Pensyarah Kanan
Institut Penyelidikan
Marin Borneo (IPMB),
Universiti Malaysia
Sabah (UMS), Dr Pushpa
M Palaniappan, berkata hasil
kajian itu menunjukkan petan-
da positif bahawa populasi penyu
muda di kedua-dua pulau berke-
naan adalah tinggi.

Sebaik mencapai kematangan, penyu laut berhijrah ke pantai lain bagi membina sarang untuk bertelur dan kemudian kembali ke pantai asal yang menjadi tempat tinggalnya.

Di Sabah, ada tiga spesies penyu laut iaitu Penyu Hijau atau dikenali sebagai Penyu Agar di Semenanjung dengan nama saintifiknya Chelonia Mydas, Penyu Karah (Erermochelys



“
Sarang penyu paling
banyak di Pulau Penyu,
Sandakan. **Kita perlu
tahu tempat tinggal**
penyu dengan tempat
reptilia itu bertelur
adalah berasingan”

Dr Pushpa M Palaniappan,
Pensyarah Kanan Institut
Penyelidikan Marin
Borneo (IPMB), Universiti
Malaysia Sabah (UMS)



Katanya, jumlah juvana yang banyak atau lebih daripada 71.8 peratus daripada populasi penyu di Sipadan dan Mabul menunjukkan populasi hidupan marin itu banyak di kepulauan berkenaan.

“Ini membuktikan usaha pemuliharaan dan melindungi penyu dijalankan kerajaan negeri bersama agensinya sejak 1960-an dan semakin aktif sekitar 1980-an hingga 1990-an, sebagai sangat berjaya.

“Keadaan itu menyebabkan sumber makanan penyu terpelihara, sekali gus membolehkan populasi penyu juvana berkembang,” katanya kepada BH.

Pushpa berkata, penyu perlu

7 SPESIES

penyu di dunia

500 EKOR


Penyu di Pulau Sipadan

120 EKOR

Pulau Mabul

494 EKOR

Penyu Hijau ditangkap di Pulau Sipadan



INFO

- ⊙ 10 tahun hingga 15 tahun **usia matang**
- ⊙ Rumpai laut dan **rumpai makanan utama** penyu
- ⊙ Penyu Agar juga dikenali sebagai Penyu Hijau mengikut **warna lemak dalam badannya** yang berwarna hijau

- ⊙ Penyu Hijau boleh membesar sehingga **lebih satu meter dengan berat badannya** di antara 135 - 270 kilogram
- ⊙ Penyu hijau menghasilkan **100 - 140 biji setiap kali bertelur**
- ⊙ Kajian selama dua tahun **bermula Ogos 2010 hingga Disember 2011**

Penting lindungi perairan


Kajian Universiti Malaysia Sabah (UMS) di Pulau Sipadan dan Mabul, Semporna mendapati Penyu Hijau dan Penyu Karah atau dikenali sebagai 'hawksbill', adalah populasi terbanyak di perairan berkenaan.

Objektif utama kajian bertajuk 'Penyu Laut Pemastautin di Pulau Sipadan dan Mabul' atau 'Resident Sea Turtles of Sipadan and Mabul Islands' bertujuan melihat makanan utama penyu dan kenapa ia kekal di pulau berkenaan.

Kajian bermula Ogos 2010 hingga Disember 2011 mendapati perairan di Pulau Sipadan dan Mabul menjadi tumpuan penyu terbabit kerana rumpai laut serta rumpai air ditemui dengan banyak dan menjadi makanan utama haiwan terbabit.

Penyu di Pulau Sipadan dan Mabul boleh dilihat berehat pada terumbu atau rekahan, selain aktif mencari makanan kerana kedudukan pulau di Segitiga Terumbu Karang.

Ia juga menyebabkan makanan hidupan berkenaan iaitu rumpai laut dan rumpai air ditemui dengan banyak, sekali gus mencukupi bagi penyu hijau dewasa. Penyu juvana atau penyu muda turut didapati memburu obor-obor di kawasan berkenaan.



© 115 EKOR
Penyu Hijau
ditangkap di Pulau
Mabul

© 348 EKOR
Penyu Hijau juvana
di Pulau Sipadan



Penyu hijau mempunyai **populasi terbanyak di perairan** Pulau Sipadan dan Mabul, Semporna.

[Foto Ihsan DR PUSHPA/ BH]

B/H 19/4/13
MS 13

dilindungi kerana proses reptilia itu untuk bertelur mengambil masa yang panjang.

“Sarang penyu paling banyak di Pulau Penyu, Sandakan. Kita perlu tahu tempat tinggal penyu dengan tempat reptilia itu bertelur adalah berasingan.

Membina sarang


“Penyu akan bergerak beratus atau beribu kilometer dari tempat asal untuk membina sarang. Justeru, untuk sampai ke destinasi (sarang), haiwan itu memerlukan tenaga yang banyak kerana ketika itu badan penuh dengan telur.

“Penyu naik ke kawasan sarang

sebanyak enam hingga tujuh kali dalam setiap 10 hingga 14 hari untuk bertelur atau keseluruhannya proses bertelur akan mengambil masa dua bulan sebelum balik ke tempat tinggalnya,” katanya.

Apa yang menarik mengenai kedua-dua jenis penyu berkenaan adalah ia boleh ditemui di satu tempat yang sama.

“Ini membuktikan Penyu Hijau dan Karah tidak terasing antara satu sama lain. Contohnya, seekor penyu juvana Karah ditangkap di Pulau Mabul dan ditanda, keesokan harinya ditemui berehat dengan selesa di kawasan terumbu di Pulau Sipadan,” katanya.



Makanan cukup

Pensyarah Kanan Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Dr Pushpa M Palaniappan, berkata sepanjang kajian, bukan luar biasa melihat hawksbills makan span, batu karang lembut dan invertebrata lain dalam habitat terumbu karang.

Dengan sumber makanan mencukupi, katanya, ia menunjukkan populasi penyu laut banyak di Pulau Sipadan dan Mabul, khususnya Penyu Hijau yang lebih dominan di kedua-dua pulau berkenaan.

Sehubungan itu, beliau berkata, penting untuk terus melindungi perairan berkenaan bagi memastikan sumber makanan penyu tidak terancam.

Kajian itu menerima geran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menerusi Skim Dana Sains (ScienceFund Scheme) pada 2010 untuk menentukan kadar pertumbuhan jangka pendek dan keutamaan pemakanan Penyu Hijau dan Karah di Pulau Sipadan serta Mabul.

Projek turut dibantu pelbagai agensi termasuk Taman-Taman Sabah, WWF-Malaysia, Borneo Divers & Sea Sports (Sabah) Sdn Bhd dan Treasure Images Sdn Bhd.

Pushpa berkata, dalam tempoh kajian, pasukan mereka menggunakan kaedah ‘JS’ untuk menangkap penyu di dasar laut menggunakan beg plastik dikenali ‘lifting bag’, bagi menarik penyu naik ke bot untuk proses penandaan atau tag.

“Kita berharap maklumat yang dikumpul daripada kajian ini boleh digunakan oleh pihak berkuasa yang sepatutnya ke arah pemuliharaan sumber marin kedua-dua pulau,” katanya yang mengetuai kajian itu.